

LAMPIRAN A

**SOP AIDILADHA DI MASJID DAN SURAU DALAM TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) HASIL KEPUTUSAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KHAS SOP COVID-19 BAGI HAL EHWAL ISLAM
PADA 22 JUN 2021**

BIL.	PERKARA	KEPUTUSAN
1	Solat Sunat Aidiladha di Masjid/Surau dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0	<ul style="list-style-type: none">• Solat Sunat Aidiladha dibenarkan dengan jumlah 1/3 daripada keluasaan dewan utama solat atau 50 orang jemaah atau mana yang lebih rendah dengan syarat berikut:<ol style="list-style-type: none">1. Telah lengkap vaksin (2 dos)2. Syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasas Agama Negeri.• Keputusan ini tertakluk kepada situasi semasa pandemik Covid-19
2	Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Korban dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0	<p>Ibadah korban boleh dilaksanakan bermula pada 10 Zulhijjah Hari Raya Aidiladha dan tiga (3) hari Tasyrik. (10, 11, 12, 13 Zulhijjah) dengan pematuhan syarat berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Pelaksanaan Ibadah Korban dalam tempoh PKP ini adalah dibenarkan kecuali kawasan yang diisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Namun begitu ianya bergantung kepada kelulusan pihak berkuasa negeri atas nasihat KKM dan MKN untuk tujuan pelaksanaan.2. Pelaksanaan ini tertakluk kepada pematuhan garis panduan yang telah ditetapkan dan pemakaian Garis Panduan Korban Tahun 2020, Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Korban, Tahun 2017 Pejabat Mufti Negeri Sabah, Kaedah-Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan), 2009, Garis Panduan Penyembelihan

	<p>Ternakan Korban, Jabatan Perkhidmataan Veterinar.</p> <p>3. Lokasi penyembelihan:</p> <p>3.1 Rumah Sembelihan (Abattoir);</p> <p>3.2 Rumah Penyembelihan ruminan swasta yang berlesen;</p> <p>3.3 Masjid dan Surau dengan kelulusan Pihak Berkuasa Agama Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Pejabat Kesihatan Daerah.</p> <p>3.4 Kawasan lapang seperti Balai Raya, Dewan yang bersesuaian dengan kebenaran pihak berkuasa tempatan, Jabatan Perkhidmatan Veterina (DVS), Penyelarasan JHEAINS dan Pejabat Kesihatan Daerah</p> <p>4. Permohonan di lokasi lain selain daripada masjid/surau perlu memohon kebenaran kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar dengan lebih awal.</p> <p>5. Jumlah haiwan sembelihan di masjid/ surau tidak lebih daripada 5 ekor sehari kecuali kambing 10 ekor. Pengecualian bilangan haiwan ini diberikan kiranya di proses di rumah penyembelihan yang dibenarkan.</p> <p>6. Jumlah petugas: tidak melebihi 20 orang sehari dengan syarat:</p> <p>6.1 sehat tubuh badan</p> <p>6.2 Lengkap menerima dua dos vaksin</p>
--	--

		<ol style="list-style-type: none">7. Jamuan petugas hanya berbungkus sahaja. Aktiviti memasak di kawasan penyembelihan adalah tidak dibenarkan.8. Agihan tidak dibenarkan untuk dilaksanakan di masjid/ surau. Agihan akan dibuat kepada pihak-pihak berkenaan melalui cara penghantaran sahaja ke rumah atau kediaman masing-masing.9. Pematuhan pada SOP MKN dan KKM serta Pihak Berkuasa Agama Negeri.
--	--	---